

06/11/2000

Adun BN membisu ketika sidang belanjawan

Nasir Hassan

PERSIDANGAN (Belanjawan) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan yang berlangsung selama empat hari, berakhir Khamis lalu, dianggap hambar walaupun ia penting bagi membincangkan anggaran belanjawan negeri untuk tempoh 2001.

Ini kerana tiada isu baru yang menarik perhatian umum yang ditimbulkan anggota Dewan, sama ada oleh penyokong kerajaan atau pembangkang.

Pembentangan belanjawan oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, kali ini menyaksikan anggaran perbelanjaan kerajaan negeri sebanyak RM261.85 juta bagi tahun depan iaitu RM196.82 untuk perbelanjaan mengurus dan RM65.03 untuk pembangunan.

Kebanyakan masa yang terluang sepanjang persidangan itu tidak digunakan sepenuhnya oleh anggota Dewan, terutama pembangkang untuk mengemukakan soalan tambahan yang ada hubung-kaitnya dengan soalan asal.

Walhal ada banyak soalan yang tambahan yang dibangkitkan penyokong kerajaan tetapi ia dilihat sebagai tidak memberi makna yang besar, selain sesi penggulungan yang dibuat oleh pihak kerajaan, terutama Menteri Besar dan timbalannya serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Dua anggota pembangkang daripada Barisan Nasional (BN) iaitu Mohd Saupi Deraman (BN-Galas) dan Nozula Mat Diah (BN-Paloh) tidak mengambil bahagian berucap pada persidangan itu.

Mereka bukan saja tidak mengemukakan soalan atau membahaskan ucapan belanjawan dan titah ucapan perasmian persidangan dewan oleh Sultan Kelantan, malah mereka jarang kelihatan sepanjang persidangan.

Perkara ini patut diberi perhatian oleh anggota Dewan kerana ini selaras kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, bahawa Ahli Parlimen yang tidak menghadiri sidang Dewan tanpa alasan munasabah tidak akan dipilih sebagai calon dalam pilihan raya akan datang.

Speaker, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, pada hari terakhir persidangan itu menyatakan inilah kali kedua dalam sejarah anggota pembangkang tidak mengambil bahagian membahaskan ucapan belanjawan sejak Pas mengambil alih pentadbiran kerajaan Kelantan tiga penggal lalu, mulai 1990.

Bagi pihak kerajaan negeri mungkin menganggap tidak banyak persoalan yang dibangkitkan memperlihatkan kesempurnaan mereka sepanjang tempoh pemerintahan penggal yang lalu.

Justeru, Nik Aziz ketika ditanya pendapatnya mengenai tindakan anggota pembangkang itu pada hari terakhir persidangan berkata, perkara itu berlaku mungkin disebabkan tiada apa yang perlu dipersoalkan oleh pembangkang.

Keadaan itu juga mungkin menyebabkan penyokong kerajaan bertikam lidah atau menuding jari sesama sendiri kerana peranan sedemikian tidak diambil oleh kedua-dua anggota pembangkang terbabit.

Bagaimanapun, sebagai anggota pembangkang mereka sepatutnya memainkan peranan penting sekurang-kurangnya dalam memberi pandangan dan menyatakan apa yang menimbulkan persoalan di kalangan rakyat di kawasannya.

Malah, kita difahamkan kawasan kedua-dua Yang Berhormat (YB) itu adalah 'lubuk' kepada permasalahan yang dihadapi penduduk di kawasan Ulu Kelantan, kerana kedua-dua DUN itu terletak dalam kawasan Parlimen Gua Musang.

Permasalahan bekalan air bersih; pemberian hak milik tanah peneroka Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar); pemindahan penduduk di kawasan penempatan baru serta hak milik bagi penduduk Orang Asli, masih

belum selesai.

Hanya dua DUN itulah yang dimenangi BN pada pilihan raya umum ke-10 November tahun lalu, yang sepatutnya dimanfaatkan oleh wakil rakyat berkenaan.

Sebelum ini, kedua-dua YB itu kerap memperkatakan pelbagai isu melalui akhbar tempatan dengan harapan untuk mendapat perhatian pihak berkenaan. Adalah lebih baik jika mereka menggunakan sepenuhnya peluang yang ada pada mereka apabila berada dalam Dewan.

Mungkin lantaran itu, Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, ketika menggulung perbahasan belanjawan membidas Adun daripada penyokong kerajaan sendiri yang mendedahkan masalah pentadbiran dalam Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang didakwa sebagai tidak berasas.

Beliau mahu supaya pihak terbabit mengkaji dengan teliti fakta yang dikemukakan bagi mengelak ia dianggap fitnah menyebabkan akhbar menyiarkan laporan mengenai sesuatu yang dikatakan tidak benar.

Kenyataan beliau itu sekali gus mendedahkan sikapnya yang dikatakan sentiasa mengelakkan daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh menyentuh sensitiviti pentadbiran kerajaan Pas.

(END)